


TUN RAZAK



Pustaka Peringatan Tun Abdul Razak

TUN RAZAK

Pustaka Peringatan Tun Abdul Razak



Tun Haji Abdul Razak bin Datuk Hussein, D.M.N., S.M.N., D.P.M.B., S.P.M.K.,
S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.M.T., O.K.I.S., S.P.M.S., S.I.M.P., D.K., S.P.D.K., K.O.M.,
Perdana Menteri Malaysia 1970-1976

(Dengan ikhsan *The New Straits Times*)

TUN ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN

"Setiap orang ada impiannya. Hanya segelintir yang mempunyai impian yang agung. Impian agung Tun ialah sebuah Malaysia yang padu, rakyatnya bersatu, bertindak serentak, bekerja seiring ke arah keadilan sosial bagi seluruh rakyat Malaysia. Tetapi maut tidak mengizinkan beliau melihat impian agung ini menjelma menjadi kenyataan. Begitupun, Allahyarham telah merintis jalan ke arah tersebut. Moga-moga impian yang sama dapat mendorong kita dalam setiap langkah perjalanan yang telah dimulakan oleh beliau . . . dan kita pasti sampai akhirnya."

Cabutan daripada "Seluruh hidupnya untuk Malaysia" New Straits Times (M) Bhd.

Tun Abdul Razak, anak sulung Datuk Hussein bin Mohd. Taib (Orang Kaya Indera Shahbandar, Pahang) dan Hajjah Teh binti Daud dilahirkan pada 11hb Mac, 1922 di Pulau Keladi, Pahang. Sejak kecil lagi Tun menunjukkan kemampuannya yang cemerlang dalam bidang pelajaran. Justeru itu, ia dihantar ke Maktab Melayu Kuala Kangsar dan kemudiannya ke Raffles College Singapura untuk melanjutkan pelajaran. Kecekapannya terbukti lagi bila beliau berjaya menamatkan pengajian undang-undang di Lincoln's Inn dalam tempoh 18 bulan sahaja. Tun Abdul Razak mendirikan rumahtangga dengan Tun Rahah binti Tan Sri Haji Noah dalam tahun 1951 dan mempunyai 5 orang anak lelaki.

Sewaktu di England, Tun berpeluang mendalami politik dan memupuk konsep hidup dengan pemikiran luas. Aktif dalam kegiatan-kegiatan pelajar, Tun kemudiannya menubuhkan Malayan Forum yang dipengaruhi oleh Parti Buruh British untuk memberi kesedaran politik kepada anak-anak Malaya. Dia juga menganggotai Persatuan Fabian dan Malayan Students' Union.

Sekembalinya ke Tanah Air, Tun bertambah terlibat dalam perjuangan menuntut kemerdekaan. Empat bulan selepas menganggotai Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu atau United Malays National Organisation (UMNO), Tun dilantik sebagai Ketua Pemuda UMNO. Ini diikuti pula dengan lantikannya sebagai ahli tidak rasmi Majlis Undangan Persekutuan. Dalam tahun 1951, bila Tunku Abdul Rahman menjadi Presiden UMNO, Tun Razak yang masih muda itu menjadi Timbalan Yang di-Pertua (Timbalan Presiden). Bermulalah satu percantuman tenaga yang bersejarah gigih dalam perjuangan untuk mencapai kemerdekaan dan kemudiannya untuk mencapai kemodenan. Kemerdekaan dicapai pada tanggal 31hb Ogos, 1957 dan bermulalah perkhidmatan Tun sebagai Menteri diberbagai-bagai Kementerian.

Konsep demokrasi Tun berasaskan keseimbangan sosial dan ekonomi di mana semua rakyat dapat memainkan peranan dalam kemajuan negara. Politik Melayu pula dipaparkan oleh Tun dengan kata-kata "kepemimpinan Melayu mestilah kepemimpinan luar bandar". Bagi Tun, pembangunan negara sangat besar artinya sebab menurut Tun; benteng terbesar pertahanan kedaulatan negara bukan sahaja terletak pada pertahanan, tetapi lebih-lebih lagi pada pembangunan.

Dalam ertikata yang luas, pembangunan di Malaysia bermula dari Dasar Pelajaran Kebangsaan yang disarankan oleh Laporan Razak 1956. Laporan ini mengandungi polisi yang "revolutionary" bagi sekolah-sekolah dan bertujuan memadukan rakyat berbagai kaum. Semangat dasar pelajaran inilah yang menjadi asas mewujudkan belia-belia yang sihat dan berpelajaran sebagai sumber tenaga pembangunan. Dalam tempoh 10 tahun sebagai Menteri Pembangunan Luar Bandar, 3 juta orang-orang dewasa diajar menulis dan membaca. Sementara orang-orang British mengambil masa hampir satu abad untuk mendirikan 2,000 buah sekolah, Tun mendirikan 3,000 lagi dalam masa 10 tahun sahaja.

Gerakan pembangunan luar bandar dipelopori oleh Tun sejak tahun 1950 an. Selaku Menteri tersebut, langkah pertama Tun ialah merangka satu dasar pembangunan yang meliputi setiap aspek keperluan negara. Ini dikenali sebagai "Buku Merah" dan dilengkapi pula dengan "Bilik Gerakan" yang mencatat butir-butir rancangan di setiap tempat termasuk segala kemajuan dan kegagalan rancangan-rancangan tersebut. Tun berusaha dengan gigihnya untuk menjamin supaya pendapatan petani-petani setimpal dengan usaha-usaha mereka. Antara lain ini diuruskan melalui Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan dan Negeri-negeri. Kemajuan yang berlipat ganda kini jelas bukan sahaja dari bilangan murid-murid yang disekolahkan bahkan dari tanah yang dibuka, jenis-jenis tanaman yang diusahakan, berbagai-bagai perusahaan dan kemudahan-kemudahan, bantuan kewangan dan teknik yang disediakan. Pendekata, segala bentuk pembangunan yang dirasakan oleh rakyat adalah atas daya usaha dan kemahuan tegas dari Tun Abdul Razak.

Pembentukan Malaysia dalam tahun 1963 merupakan perkembangan politik yang bersejarah di Malaysia walaupun ianya disambut dengan tentangan hebat oleh pihak-pihak yang tertentu. Ketokohan Tun sebagai Menteri Pertahanan mendapat ujian. Akhirnya krisis diselesaikan secara damai. Memang wajarlah Tun dikenali bukan sahaja sebagai Bapa Pembangunan bahkan juga sebagai Bapa Perdamaian.

Setelah pilihan Raya Mei 1969 satu kekacauan mencetus antara kaum di Malaysia. Keadaan darurat ini menyebabkan penggantogan Parlimen dan negara diperintah oleh Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) diketuai oleh Tun Abdul Razak yang memerintah dengan "decree". Cinta Tun terhadap pemerintahan demokrasi berparlimen jelas bila walaupun di saat-saat genting sedemikian ia masih berpendapat bahawa kuasa penuh tidak dapat memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat sebab tidak ada "check and balance". Filosofinya tidak berbelit-belit dan kepercayaannya terhadap prinsip demokrasi sangat mendalam. Akhirnya, Tun sebagai Pengerusi MAGERAN berjaya juga memulihkan keamanan dan undang-undang, pentadbiran ugama, mengembalikan kepercayaan rakyat dan memupuk rasa harmoni dan muhibbah. Buah fikiran dan hasil perundingan MAGERAN melahirkan Rukunegara—prinsip-prinsip yang merupakan kunci perdamaian antara kaum dan bertujuan mencapai kemajuan bangsa dan negara.

Perlantikan Tun Abdul Razak sebagai pemimpin baru UMNO secara automatik menjadikannya pemimpin baru Kerajaan pada 22hb September, 1970. Terlebih dahulu ini disusuli oleh pengalaman lebih dari 20 tahun sebagai anggota parti, 19 tahun selaku Timbalan Yang di-Pertua (Timbalan Presiden), 15 tahun menjadi Menteri di berbagai-bagai Kementerian, 13 tahun menganggotai Kerajaan Merdeka dan selama 17 bulan sebagai Pengarah MAGERAN. Rancangannya sebagai Perdana Menteri jelas dari kata-katanya, "13 tahun semenjak merdeka, jika diibaratkan sebuah rumah, kita telah mendirikan rangka, tiang, atap dan lantai. Sekarang kita mestilah mengadakan dinding dan perkakas-perkakas yang lain supaya rumah itu dapat menurut bentuk dan rupa yang kita benar-benar kehendaki."

Dalam nafas yang sama "Dasar Ekonomi Baru" dilancarkan. Keramat dasar ini terletak pada matlamatnya yang berbentuk serampang dua mata—menghapuskan kemiskinan tanpa mengira kaum dan menyusun semula masyarakat. Pelaksanaan dasar ini diharapkan dapat melahirkan sebuah masyarakat Malaysia yang kuat, maju dan padu, berkeperibadian bangsa dan berkebudayaan nasional.

Ketokohan Tun Abdul Razak tidak terbatas kepada usul-usul dalam negara sahaja. Dalam masa yang singkat, Tun meletakkan asas-asas bagi dasar luar Malaysia. Dasar itu bebas dan aktif dan bertujuan menjalin persahabatan dengan

semua negara yang menghormati serta ingin bersahabat dengan Malaysia tanpa mengira ideologi politik atau corak sosial mereka di samping membuat pengu-
kuran bebas dalam semua perkara. Association of South East Asian Nations
(ASEAN) lahir dari daya pemikiran Tun Abdul Razak. Di seberang laut Tun
Abdul Razak melaungkan prinsip agar Asia Tenggara dijadikan kawasan aman,
bebas dan berkecuali. Orang-orang Asia sendiri mengkagumi beliau. Tun jugalah
yang merintis jalan mengadakan polisi baru yang lebih realistik terhadap Republik
Rakyat China.

Di mercu kejayaannya, timbul pula hasrat memperkukuhkan ketahanan nasional
dengan membawa semua parti-parti politik bergabung di bawah satu bumbung
kerjasama. Pembentukan Barisan Nasional adalah saluran baik untuk kerjasama
tersebut dan kebanyakan parti-parti pembangkang dipelawa. Niat Tun Abdul
Razak sungguh murni sebab memang jarang sekali sebuah parti politik yang besar
dan mempunyai kemenangan yang hakiki mahu bekerjasama dengan pembangkang-
pembangkang yang setengahnya terlalu kecil. Walaupun tindakannya ini disungut-
kan oleh setengah-setengah pihak sebagai membunuh pembangkang yang merupa-
kan aspek terpenting dalam demokrasi, pendapat tersebut dapat disangkal. Dengan
pembentukan Barisan Nasional, Tun berjaya menukarkan politik konfrantasi di
negara ini kepada politik akomodasi dan dialog.

Tun Abdul Razak ialah "innovator" yang dinamis dalam hal-hal domestik dan
antarabangsa. Dengan bimbingan dan sumbangan-sumbangannya yang tidak
menegal penat lelah, Malaysia kini dikenali di peringkat antarabangsa, bangga
akan kejayaan-kejayaannya dan kedudukannya dalam "comity of nations". Justeru
itu, sebuah memorial yang dinamakan Pustaka Peringatan Tun Abdul Razak di-
tubuhkan demi memperingati sumbangan, jasa bakti, perkhidmatan dan pengor-
banan Allahyarham kepada negara.

Pustaka Peringatan ini didasarkan selaras dengan projek penubuhan Presidential
Libraries di Amerika Syarikat, India, Filipina dan Liberia. Di Malaysia sendiri,
sumbangan Perdana Menteri yang terdahulu daripada Tun Abdul Razak diabadikan
dengan penubuhan Arkib dan Pustaka Tunku Abdul Rahman Putra (APTARP)
dalam tahun 1972. Arkib Tun Doktor Ismail (ATDI) ditubuhkan dalam 1973.

Begitu pun, Pustaka Peringatan Tun Abdul Razak unique sebab ia merangkul
tiga bidang kerja—kerja-kerja pengkhususan arkib, perpustakaan dan muzium.
Di sinilah dokumen-dokumen, ucapan-ucapan, buku-buku, bahan-bahan pandang
dengar serta hadiah-hadiah, anugerah-anugerah kebesaran dan memorabilia ke-
punyaan dan mengenai Allahyarham Tun Abdul Razak sejak kecil sehingga akhir

hayatnya dipelihara buat selama-lamanya. Disamping tugas-tugas pemeliharaan, Pustaka Peringatan ini juga memberi kemudahan-kemudahan penyimpanan, pamiran, rujukan dan penyelidikan. Sebagai sebuah badan penyelidikan, ia tidak bercorak partisan dan menggalakkan kajian serta memberi kemudahan penyelidikan berhubung dengan Allahyarham sendiri, sejarah dan pembangunan negara waktu Allahyarham berkhidmat dan jawatan Perdana Menteri memandangkan betapa pentingnya jawatan yang merupakan teraju negara yang demokratik dan berbilang bangsa. Khususnya, Pustaka Peringatan inilah monumen kekal dan memaparkan satu epok sejarah Malaysia yang penting di bawah pimpinan Allahyarham.

Allahyarham semasa hayatnya lagi telah berwasiat menempatkan segala bahan-bahan bersejarah mengenai dirinya dalam sebuah memorial di Pahang. Pelaksanaannya yang segera perlu untuk mengelakkan hilang, musnah atau kesukaran mengesan bahan-bahan yang sangat berguna dan yang mengandungi unsur-unsur sejarah. Selaras dengan harapan Allahyarham, Kerajaan Pahang telah menawarkan tapak tanah khas di Kuantan untuk menempatkan Pustaka Peringatan Tun Abdul Razak. Tapak ini terletak di Jalan Abdullah, Kuantan berdekatan dengan Istana Teruntum. Tempat tersebut bukan saja akan menjadi tapak sebuah memorial memperingati seorang pemimpin agung malah akan dijadikan satu kawasan peranginan, lengkap dengan taman bunga dan taman rimba kecil yang akan mengandungi model perkampungan Felda dll. yang boleh dilawati oleh orang ramai, pelancung-pelancung dan penyelidik-penyelidik.

Pustaka Peringatan Tun Abdul Razak, nama ringkasnya PINTAR, akan ditempatkan di sebuah bangunan khas yang akan dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan untuk menyimpan, memelihara dan mempamerkan bahan-bahan kepunyaan dan mengenai Allahyarham. Reka bentuk asas tradisi Melayu akan diberi kepada bangunan tersebut dengan perbelanjaan pembinaan dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan.

Sifat unique Pustaka Peringatan ini memerlukan pengawalan serta pengurusan oleh kakitangan profesyenal dan teknikal yang terlatih dalam bidang pemeliharaan bahan-bahan dan alat-alat bersejarah serta berpengalaman menjalankan penyelidikan ke atas bahan-bahan tersebut. Pendekata, ketiga-tiga tugas arkib, muzium dan perpustakaan dijalankan serentak di dalam institusi ini yang akan diurus dan ditadbirkan oleh Arkib Negara. Kerajaan telah menubuhkan sebuah jawatankuasa khas di bawah pengerusian bersama Y.B. Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan dan Y.B. Menteri Undang-undang dan Peguam Negara untuk merancang dan melaksanakan projek ini.

Tun Abdul Razak mencurahkan tenaga dan usianya kepada perjuangan menegakkan kedaulatan negara, kesejahteraan rakyat dan keamanan dunia. Jasanya tidak ternilai, hanya diharap dapat dicontohi. Penubuhan Pustaka Peringatan Tun Abdul Razak dikira sebagai perintis usaha-usaha menghargai dan mengabadikan sumbangan-sumbangan beliau—juga pembuka jalan kepada kajian lebih mendalam untuk mengenali beliau, pentadbirannya dan pasang surutnya politik.

ARKIB NEGARA,

27hb November, 1976

The title of this book is 'The History of the Malay Peninsula' and it is a very good book. It is written by a very famous author and it is very interesting. The book is written in a very simple and easy to understand language. It is a very good book for all the people who are interested in the history of the Malay Peninsula. The book is written in a very simple and easy to understand language. It is a very good book for all the people who are interested in the history of the Malay Peninsula.

Author's Name

1976 November 1976

DICETAK OLEH
IBRAHIM BIN JOHARI, P.I.S., KETUA PENGARAH PERCETAKAN
SEMENANJUNG MALAYSIA, KUALA LUMPUR
1976

